



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 1997

**BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT
DAN
BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

TAFSIRAN

2. Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain istilah berikut mempunyai erti seperti di bawah ini -

"Pakaian Istiadat" ertinya pakaian upacara rasmi yang direkabentuk khas

untuk sesuatu perkhidmatan; dan

"Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi" ertinya Pakaian Kebangsaan Hitam atau *Dark Lounge Suit* bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita.

PELAKSANAAN

Pakaian

3. Anggota perkhidmatan awam yang mempunyai pakaian istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat.
4. Anggota perkhidmatan awam yang tidak mempunyai pakaian istiadat layak diberi kemudahan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

Syarat

5. Kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat diberi kepada anggota perkhidmatan awam setiap tiga (3) tahun sekali. Anggota tersebut boleh memilih untuk menggantikannya dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
6. Kemudahan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi diberi kepada anggota perkhidmatan awam setiap tiga (3) tahun sekali. Walau

bagaimanapun, kemudahan ini diberi apabila mereka dikehendaki menghadiri upacara rasmi dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri sahaja.

Kadar

7. Had tuntutan untuk Bayaran Pakaian Istiadat ialah RM750.
8. Had tuntutan untuk Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi ialah RM300.

Tuntutan

9. Tuntutan bayaran balik kemudahan ini hendaklah berdasarkan resit.
10. Tuntutan bayaran balik Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi hendaklah disokong dengan maklumat mengenai jemputan Upacara Rasmi tersebut.
11. Penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai berkenaan.

PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB

12. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan peruntukan bagi maksud ini dan memastikan supaya pegawai yang layak sahaja diberi kemudahan.

TARIKH KUATKUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Mei 1997.

PEMAKAIAN

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

15. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Lampiran 6D, perenggan 28, [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991](#) adalah **dibatalkan.**

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

12 Julai 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan